

Headline Siput gondangancam pesawah
Date 08. May 2008
Media Title Utusan Malaysia (Northern)
Section News
Circulation 238082
Readership 833287
Language MALAY
Page No 26
Article Size 411 cm2
Frequency Daily
Color Full Color



Fokus

Siput gondangancam pesawah

Oleh SHARIZA ABDULLAH

ALOR STAR 7 Mei - Ketika ini golongan petani di Kedah sedang membanting tulang mengerjakan sawah, menandakan permulaan musim baru penanaman padi di negeri ini.

Di sesetengah kawasan, sudah kelihatan anak padi menghiujau sebelum terus membesar untuk mengeluarkan hasil yang akan menjadi makanan utama penduduk di negara ini.

Dalam tempoh kira-kira tiga bulan lagi, bumi Kedah akan bertukar warna keemasan padi yang sudah masak dan sedia untuk dituai.

Namun sementara menunggu tempoh tersebut, pesawah berdepan satu ancaman yang boleh menjejaskan pengeluaran padi iaitu serangan siput gondang emas.

Kegelisahan petani dengan serangan haiwan berasal dari Amerika Selatan yang dikatakan mampu bertelur sehingga 8,000 biji

setahun itu bukan perkara baru.

Siput gondang emas mula dikesan di negara ini di kawasan kolam ikan di Puchong, Selangor pada September 1991 dan di Kampung Pengkalan Semeling, Kuala Muda kira-kira sebulan kemudian.

Pada peringkat awal di Kedah, ia dikatakan hanya memakan rumput dan lumut air di dalam sawah sahaja, namun pada 1997 ia mula dilaporkan merosakkan anak padi seluas sehektar di Kampung Selarong Kerbau.

Keluasan kawasan yang rosak kemudian dilaporkan semakin meningkat terutama pada musim utama setiap tahun meskipun pelbagai program kawalan dijalankan.

Ketika kerajaan mahu memastikan hasil makanan mencukupi untuk penduduk, serangan siput gondang emas tidak boleh dipandang ringan apatah lagi Kedah menyumbangkan lebih 40 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Mengikut risalah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), seekor siput gondang mampu memusnahkan satu meter persegi anak padi dengan serangannya membentuk tompok-tompok dalam sawah seperti anak benih tidak tumbuh.

Bayangkan kesulitan bakal ditanggung pesawah jika tidak mampu mengawal kehadiran haiwan perosak itu di petak-petak sawah mereka kerana serangan yang teruk boleh menyebabkan kehilangan sehingga 93 peratus hasil padi.

Menurut Ketua Cawangan Operasi Pengembangan Bahagian Industri Padi MADA, Muhamad Hisham Mohd. Noor, kero-

sakan berlaku apabila siput tersebut memakan anak padi yang baru tumbuh atau berusia sekitar dua hingga empat minggu selepas benih ditabur.

Bagaimanapun, katanya, serangan tersebut boleh dikawal dengan menggunakan kaedah kawalan yang betul meskipun tidak boleh diatasi 100 peratus.

MADA sendiri, menurutnya, telah merangka pelan tindakan untuk mengawal populasi siput tersebut dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian.

Jelasnya, antara strategi yang dilaksanakan ialah operasi mengutip dan memusnahkan siput gondang emas dan telurnyanya di semua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang terdapat populasi haiwan berkenaan.

Selain itu kawalan kaedah biologi melibatkan pendedahan kepada pesawah menggunakan itik *khaki campbell* atau itik penehur yang dilepaskan ke sawah untuk memakan telur dan siput gondang emas atau petani boleh mengutipnya bagi diberi makan kepada itik mereka.

"Sehingga kini sebanyak 39,250 ekor itik telah diingih melibatkan 143 peladang. Di samping dapat mengawal siput gondang emas, ia juga dapat menjadi sumber pendapatan sampingan kepada peladang-peladang melalui penjualan telur," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata lagi, pihaknya juga mengalirkan air laut ke dalam parit saliran sawah kerana siput gondang akan mati beberapa jam selepas terkena air masin.



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Mustapa Mohamed bersama Pengurus Besar Mada, Abd. Rahim Salleh turun padang melihat siput gondang emas (gambar kecil) yang terdapat dalam sawah padi semasa melawat projek estet padi Jelai di Alor Star, baru-baru ini.